

NO SOALAN : 26

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : LAKSAMANA PERTAMA
MOHAMAD IMRAN BIN
ABD HAMID (B)
(LUMUT)**

**TARIKH : 08.04.2014
(SELASA)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan sama ada tuntutan pindah terakhir warga tentera dari Sabah dan Sarawak akan terus dibayar meskipun peruntukan tahun semasa tidak mencukupi.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Tuntutan pindah terakhir warga Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di Sabah dan Sarawak telah diperuntukkan seperti yang dirancangkan bagi tahun semasa dan akan tetap dibayar bersesuaian dengan peruntukan dan peraturan sedia ada.

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HAJI
NASARAH**

KAWASAN : LENGGONG

TARIKH : 8 APRIL 2014, SELASA

SOALAN:

YB. DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH (LENGGONG)
minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan:-

- (a) langkah Kementerian untuk jangka masa panjang menangani isu Tol; dan

- (b) apakah Kementerian mempunyai rancangan untuk menaik taraf semua jalan persekutuan seluruh negara sebagai alternatif kepada penggunaan lebuh raya.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah pun memulakan perbincangan dengan syarikat-syarikat konsesi lebuh raya dalam menangani isu tol. Pada masa kini, Kerajaan dan syarikat-syarikat konsesi sedang mengenalpasti kaedah-kaedah penyelesaian terbaik di mana akan memberi situasi ‘*win-win*’ kepada Kerajaan, syarikat konsesi, pelabur dan pengguna. Sebarang pindaan terhadap perjanjian konsesi adalah tertakluk kepada persetujuan bersama syarikat konsesi serta pemberi pinjaman dan pelabur.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya mempunyai perancangan jangka panjang untuk menaik taraf Jalan Persekutuan Utama di negara ini, iaitu daripada *single-carriageway* kepada *dual-carriageway*, atau meningkatkan piawaian reka bentuk jalan tersebut kepada tahap piawaian JKR R4/R5.

Ini termasuklah jalan-jalan utama yang menghubungkan kawasan utara, selatan dan pantai timur Semenanjung Malaysia. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek ini akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dalam setiap Rancangan 5 Tahun Kerajaan, iaitu mulai dari RMKe-9 hingga RMKe-12 dan tertakluk kepada kemampuan kewangan Kerajaan secara keseluruhan. Ini kerana cadangan projek berkenaan melibatkan jarak kilometer yang panjang dan kos yang sangat tinggi.

Manakala untuk Sabah dan Sarawak, keutamaan diberikan kepada projek menaiktaraf Jalan Pan Borneo sedia ada kepada laluan *dual-carriageway* yang dijangka siap pada tahun 2025 tertakluk kepada kemampuan kewangan Kerajaan.

Sekian. Terima kasih.

NO. SOALAN: 28

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH : 8 APRIL 2014 (SELASA)

SOALAN:

DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah pindaan kepada *Law Reform (Marriage and Divorce) Act 1976, Administration of Islamic Law (Federal Territories) Act 1993 and Islamic Family Law (Federal Territories) Act 1984* yang dicadangkan dalam tahun 2009 untuk dipinda bagi menyelesaikan masalah yang timbul apabila seorang daripada sepasang suami isteri bukan Islam memeluk Agama Islam akan dibentangkan di Parlimen.

JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2009 Kerajaan bercadang untuk meminda Akta Memperbaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164], Akta Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam

(Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505] dan Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303] bagi menyelesaikan masalah yang timbul apabila seorang daripada sepasang suami isteri bukan Islam memeluk agama Islam.

Memandangkan ketiga-tiga rang undang-undang ini melibatkan bidang kuasa Kerajaan Persekutuan dan negeri-negeri serta menyentuh kepentingan masyarakat beragama Islam dan bukan Islam, Kerajaan akan membuat cadangan pindaan secara berperingkat dengan membuat pindaan kepada **Akta Memperbaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976** [Akta 164] bagi menyelesaikan status perkahwinan sivil pasangan tersebut terlebih dahulu. Kerajaan akan membentangkan cadangan pindaan kepada undang-undang tersebut di Parlimen setelah mendapat persetujuan daripada Majlis Agama Islam Negeri-Negeri dan perkenan Majlis Raja-Raja.

Sekian, terima kasih.